



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST
METHODIST BOYS' SECONDARY SCHOOL
Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur
mbsskl.edu.my

Tel: 03-20782293

Fax: 03-20341346

Ruj Kami : MBSSKL. 800-2/2/1(II)

Ruj Tuan :

Tarikh : 8 Oktober 2018

Kepada,
Semua Guru Besar,
SK / SJK (C) / SJK (T),
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

**PENGAMBILAN DAN PENDAFTARAN MURID TINGKATAN 1 SESI PERSEKOLAHAN
2019 DI BAWAH PROGRAM KEBITARAAN (NICHE AREA) SEKOLAH KLUSTER
KECEMERLANGAN**

Dengan segala hormatnya surat JPWP 700.8/2/2 (32) yang bertarikh 16 Ogos 2011 dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak pengurusan sekolah ini sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan diberi kuasa autonomi untuk memilih 10% pelajar Tingkatan 1 yang cemerlang dalam bidang kebitaraan (niche area) bagi pengambilan 2019 berdasarkan:

- ICT, khususnya Robotik atau
- Bahasa Inggeris atau
- Catur

3. Pelajar-pelajar yang berpotensi ini tidak terikat kepada kelayakan akademik sekurang-kurangnya 5A 1B atau 7A / 1B dalam UPSR 2018,

4. Oleh yang demikian pihak sekolah mempelawa pelajar-pelajar dari sekolah tuan / puan yang berpotensi dalam salah satu bidang kebitaraan di atas untuk memohon ke Tingkatan 1 bagi sesi 2019 dengan mengemukakan dokumen yang berikut :

- a. Borang permohonan seperti yang dilampirkan
- b. Salinan Sijil Lahir / Kad Pengenalan
- c. Salinan keputusan UPSR 2018
- d. Salinan sijil pencapaian tertinggi yang berkaitan dengan salah satu bidang kebitaraan di atas

5. Semua permohonan hendaklah sampai kepada sekolah ini 2 hari selepas keputusan UPSR diumumkan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Pn Mahani bt Abu Samah di talian 03-20782293, 20782294 atau mbsskl@gmail.com

6. Bersama-sama ini juga dilampirkan borang permohonan yang perlu diisi dengan lengkap oleh ibu bapa/penjaga murid.

7. Sila sebar luaskan pengambilan pelajar melalui proses ini kepada warga sekolah tuan/puan. Surat ini dan borang permohonan juga boleh dimuat turun dari laman web: <http://mbsskl.edu.my>.

Kerjasama dan tindakan daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang yang menjalankan amanah,

(RAVI CHANDRAN A/L KRISHNAN)
Pengetua
SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur.